

TERMA DAN SYARAT PERBANKAN INTERNET myBSN Bawah 18 Tahun / TERMS & CONDITIONS OF INTERNET BANKING myBSN Under 18 Years Old

myBSN Bawah 18 Tahun adalah platform di laman web BSN di mana anda kini boleh menikmati kemudahan perbankan internet dengan selesa dan selamat bersama BSN. Anda kini boleh memantau perbelanjaan anda dan ini merupakan cara terbaik untuk anda belajar tentang pengurusan kewangan. Kini, anda boleh mengakses Akaun anda dengan mudah pada bila-bila masa.

myBSN Under 18 Years Old is a platform on BSN website where you can now enjoy internet banking facilities comfortably and safely with BSN. You now can monitor your spending and this is a great way for you to learn about financial management. Now, you can access your accounts easily at any time.

1.0 UMUM / GENERAL

- 1.1 Terma dan syarat berikut ("Terma dan Syarat") akan mengawal akses kepada dan penggunaan myBSN Bawah 18 Tahun dan Perkhidmatan yang disediakan oleh Bank Simpanan Nasional ("BSN") yang boleh diakses melalui peranti elektronik pegang tangan seperti telefon pintar dan/atau tablet.

The following terms and conditions ("Terms and Conditions") will govern access to and use of myBSN Under 18 Years Old and Services provided by Bank Simpanan Nasional ("BSN") that can be accessed through handheld electronic devices such as smartphones and/or tablets.

- 1.2 Anda bersetuju bahawa myBSN Bawah 18 Tahun tertakluk kepada Terma dan Syarat ini, dan hendaklah dibaca bersama-sama terma dan syarat Akaun yang berkaitan. Anda bersetuju untuk mempertahankan dan mematuhi dengan baik Terma & Syarat ini dan mana-mana terma dan syarat berkenaan Akaun anda. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat ini dengan terma dan syarat Akaun yang berkenaan, Terma & Syarat ini akan diguna pakai setakat percanggahan tersebut.

You agree that the myBSN Under 18 Years Old are governed by these Terms and Conditions, and should be read together with the relevant Account's terms and conditions. You agree to properly maintain and comply with the Terms & Conditions and any other applicable terms relating to your Account. Where there is any conflict between these Terms and Conditions and the relevant Account's terms and conditions, these Terms & Conditions shall prevail to the extent of such conflict.

- 1.3 BSN berhak untuk meminda, mengubah, membatal atau menambah mana-mana Terma dan Syarat ini, keseluruhan atau sebahagian, pada bila-bila masa dengan memberikan notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalender sebelum pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan tersebut berkuatkuasa. BSN boleh memberikan notis atau komunikasi tersebut melalui pemakluman di Laman Web BSN dan/atau halaman media sosial rasmi BSN, melalui pos, media massa, paparan notis di cawangan BSN, melalui alat elektronik atau apa-apa kaedah komunikasi yang BSN fikirkan sesuai.

BSN reserves the right at its absolute discretion to amend, vary, delete or add to any of these Terms and Conditions, in whole or in part at any time by giving at least twenty one (21) calendars days' notice prior to such amendment, variation, deletion or addition takes effect. BSN may give such notice or any communication by posting at BSN's Website and/or BSN official social media page, by post, by notification in the mass media, by posting the notice in BSN's branches or by electronic transmission or any other method of communication that BSN deems as appropriate.

- 1.4 Dengan ini anda bersetuju BSN untuk merekod segala maklumat tentang semua transaksi, arahan, komunikasi atau operasi yang dibuat atau dilakukan atau disebabkan oleh anda atau orang yang mengaku sebagai anda melalui myBSN Bawah 18 Tahun dan apa-apa rekod transaksi berkaitan operasi mana-mana perkhidmatan kami adalah mengikat dan muktamad terhadap anda bagi semua tujuan dan menjadi bukti muktamad ke atas transaksi dan liabiliti anda terhadap BSN.

You hereby agree for BSN to record all information in respect of all transactions, instructions, communications or operations made or performed or effected by you or person purporting to be you through myBSN Under 18 Years Old and any record of transactions relating to the operation of any of our services shall be binding and conclusive on you for all purposes and shall be conclusive evidence of the transaction and your liability towards BSN.

- 1.5 Anda bersetuju bahawa BSN berhak sepenuhnya untuk menghendaki anda mengekalkan suatu baki minimum dalam Akaun anda pada setiap masa. Kegagalan mengekalkan baki minimum yang sedemikian boleh, atas budi bicara BSN, mengakibatkan suatu penalti dikenakan terhadap Akaun anda dan boleh menyebabkan Perkhidmatan Perbankan Internet myBSN Bawah 18 Tahun anda digantung atau ditamatkan.

You agree that BSN reserves absolute right to require you to maintain a minimum balance at any one time in your Account(s). Any failure to maintain such a minimum balance may, at BSN's discretion, result in a penalty being imposed on your account and may lead to a suspension or termination of your myBSN Under 18 Years Old Internet Banking Services.

- 1.6 Anda bersetuju bahawa BSN berhak mengubah apa-apa waktu akhir (cut-off time) yang berkenaan bagi perkhidmatan myBSN Bawah 18 Tahun. Sebarang Arahan yang anda hantar selepas waktu akhir yang berkenaan pada mana-mana hari akan didaftar dalam buku dan rekod BSN pada Hari Perniagaan yang sama atau yang berikutnya, menurut tarikh Arahan itu dibuat.

You agree that BSN has the right to change any relevant cut-off time in relation to the myBSN Under 18 Years Old services. Any Instructions transmitted by you after the relevant cut-off time on any day will be posted in the books and records of BSN on or for the next Business Day following the date of the Instruction.

- 1.7 Anda tidak berhak menggunakan myBSN Bawah 18 Tahun, jika wujud apa-apa sekatan dalam Akaun anda sama ada dikenakan oleh BSN atau pihak berkuasa yang berkenaan atau di bawah undang-undang.

You shall not be entitled to use myBSN Under 18 Years Old, if there exists any restrictions whatsoever on your Account(s) either imposed by BSN or by any relevant authorities or by the law.

- 1.8 Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

These Terms and Conditions shall be subject to and construed in accordance by the laws of Malaysia and subject to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.

2.0 KELAYAKAN / ELIGIBILITY

Semua pelanggan yang memenuhi syarat di bawah layak untuk mendaftar dan mengaktifkan myBSN Bawah 18 Tahun.

- a) Warganegara Malaysia.
- b) Berumur antara tiga belas (13) tahun hingga tujuh belas (17) tahun.
- c) Pelanggan hendaklah merupakan pemegang akaun simpanan BSN Giro/i dan kad debit BSN.
- d) Pelanggan yang tidak mempunyai akaun simpanan perlu membuka akaun dan mempunyai akaun dan kad debit terdahulu sebelum mendaftar myBSN Bawah 18 Tahun.
- e) Pembukaan akaun adalah tertakluk kepada deposit permulaan minimum, serta terma dan syarat yang ditetapkan oleh pihak BSN.
- f) Wajib menghantar borang Permohonan/ Pemprosesan/ Penyelenggaraan Kad BSN, Peranti Tanpa Sentuh BSN Dan Akaun BSN (PPK-01) beserta tandatangan keizinan ibu bapa/ penjaga ke Cawangan BSN

All customers who meet the conditions below are eligible to register and activate myBSN Under 18 Years Old.

- a) Malaysian citizens.
- b) Aged between thirteen (13) years to seventeen (17) years.
- c) The customer must be a BSN Giro/i savings account holder and a BSN debit card.
- d) Customers who do not have a savings account must open an account and have an existing account and debit card before registering myBSN Under 18 Years Old.
- e) Account opening is subject to a minimum initial deposit, as well as terms and conditions set by BSN.
- f) Compulsory to submit BSN Cards, BSN Wearable and BSN Account Application/ Processing/ Maintenance Form (PPK-01) with Parent/ Guardian's consent signature to BSN Branch.

3.0 PERMOHONAN UNTUK MELANGGAN PERKHIDMATAN PERBANKAN INTERNET myBSN Bawah 18 Tahun / APPLICATION TO SUBSCRIBE TO myBSN Under 18 Years Old INTERNET BANKING SERVICES

- 3.1 Anda perlu mendaftarkan butiran diri di laman <https://www.mybsn.com.my/mybsn/register/register.do> sebagai pengguna baharu.

You need to register your details on the website <https://www.mybsn.com.my/mybsn/register/register.do> as a new user.

- 3.2 Bagi tujuan pengaktifan, anda boleh kunjungi mana-mana Cawangan BSN atau menghubungi Pusat Perhubungan Pelanggan di talian 1300-88-1900 sebagai proses kenal pasti (KYC). Pastikan anda telah menghantar Borang Permohonan/ Pemprosesan/ Penyelenggaraan Kad BSN, Peranti Tanpa Sentuh BSN dan Akaun BSN (PPK-01) lengkap dengan tandatangan ibu bapa/ penjaga di cawangan BSN terlebih dahulu.

For activation purpose, you may visit any BSN branch or call BSN Customer Care Centre at 1300-88-1900 for identification purpose (KYC). Ensure that you have submitted the BSN Cards, BSN Wearable and BSN Account Application / Processing / Maintenance Form (PPK-01) completed with parent/guardian signature at BSN branch prior to the activation.

- 3.3 Ibu Bapa / Penjaga haruslah seseorang yang mempunyai hak dan kewajipan sebagai Ibu Bapa yang sah manakala Penjaga adalah seseorang yang mempunyai hak dan kewajipan yang sama seperti Ibu Bapa melalui perintah mahkamah.

Parents / Guardians must be someone who has the rights and obligations as a legal Parent while the Guardian is someone who has similar rights and obligations as a Parent through a court order.

- 3.4 Anda boleh memohon kepada myBSN Bawah 18 Tahun tertakluk kepada Terma & Syarat ini dan tertakluk kepada, pada setiap masa, budi bicara tunggal dan mutlak BSN sama ada untuk menerima atau menolak permohonan anda. Sekiranya BSN menolak permohonan anda, BSN tidak berkewajipan untuk memberikan apa-apa alasan bagi penolakan tersebut atau untuk memberikan maklum balas kepada sebarang permintaan maklumat.

You may apply to myBSN Under 18 Years Old subject to this Terms and Conditions and subject to, at all times, to BSN's sole and absolute discretion whether to reject or accept your application. Should BSN reject your application, BSN is not obliged to provide any reason for such rejection or to respond to any request for information.

4.0 PENAFIAN / DISCLAIMER

- 4.1 Maklumat dan bahan dalam laman web myBSN Bawah 18 Tahun, termasuk tetapi tidak terhad kepada perkhidmatan, produk, maklumat, data, teks, grafik, audio, video, pautan atau perkara lain, disediakan oleh BSN atas dasar "sedia ada" dan "sebagaimana tersedia". Maklumat dan bahan tersebut adalah untuk tujuan rujukan dan maklumat anda semata-mata, dan tidak boleh, pada bila-bila masa pun, dianggap atau disifatkan untuk penggunaan bagi apa-apa tujuan perniagaan atau komersial atau menjadi satu tawaran atau pengumpunan dan/atau pemberian nasihat mengenai perkhidmatan pelaburan, kewangan atau perbankan oleh BSN. BSN berhak, atas budi bicara mutlaknya, untuk menambah, meminda atau menyingkirkan mana-mana atau semua peruntukan di dalam Terma dan Syarat ini atau mana-mana atau semua bahan dan maklumat pada bila-bila masa.

The information and materials in the myBSN Under 18 Years Old website, including but not limited to services, products, information, data, text, graphics, audio, video, links or other items, are provided by BSN on an "as is" and "as available" basis. The said information and materials are strictly meant for your reference and information only, and shall not, at any time whatsoever, be assumed or deemed to be intended for any business or commercial purposes or to constitute an offer or solicitation and/or the giving of advise in respect of investment, financial or banking services by BSN. BSN reserves the right, at its absolute discretion, to add, amend or remove any or all of the provisions in this Terms & Conditions or any or all of the materials and information at any time.

- 4.2 BSN tidak memberi apa-apa jaminan, representasi atau pengendorsan tersurat atau tersirat termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa jaminan hak milik, tiada pelanggaran, kebolehdagangan, kegunaan, operasi, kesempurnaan, ketepatan, kekinian, kualiti yang memuaskan, kebolehpercayaan, kesesuaian untuk suatu tujuan khusus berkaitan dengan laman web myBSN Bawah 18 Tahun, bahan, maklumat dan/atau fungsi di dalamnya dan dengan jelas menafikan liabiliti terhadap ralat dan peninggalan dalam bahan, maklumat dan/atau fungsi tersebut. Tanpa pengurangan terhadap perkara di atas dan/atau terma dan syarat perjanjian

yang berkenaan bagi semua produk dan perkhidmatan BSN, langkah yang munasabah akan diambil oleh BSN untuk memastikan ketepatan dan kesihihan semua maklumat berkaitan dengan transaksi dan produk BSN.

BSN does not make any express or implied warranties, representations or endorsements including but not limited to any warranties of title, non-infringement, merchantability, usefulness, operation, completeness, accuracy, currentness, satisfactory quality, reliability, fitness for a particular purpose in respect of the myBSN Under 18 Years Old website, the material, information and/or functions therein and expressly disclaims liability for errors and omissions in such materials, information and/or functions. Without derogation of the above and/or the terms and conditions of the applicable agreements governing all the products and services of BSN, reasonable measures will be taken by BSN to ensure the accuracy and validity of all information relating to transactions and products of BSN.

- 4.3 BSN tidak menjamin atau memberi representasi bahawa capaian ke seluruh atau sebahagian daripada laman web myBSN Bawah 18 Tahun, bahan, maklumat dan/atau fungsi yang terkandung di dalamnya akan disediakan tanpa gangguan atau bebas daripada ralat atau apa-apa kecacatan yang dikenal pasti akan diperbetulkan, atau tidak akan berlaku kelewatan, kegagalan, ralat atau kehilangan maklumat yang dihantar, bahawa tiada virus atau perkara lain yang mencemarkan atau memusnahkan akan dihantar atau tiada kerosakan akan berlaku pada sistem komputer anda.

BSN does not warrant or represent that access to the whole or part(s) of myBSN Under 18 Years Old website, the materials, information and/or functions contained therein will be provided uninterrupted or free from errors or that any identified defect will be corrected, or that there will be no delays, failures, errors or loss of transmitted information, that no viruses or other contaminating or destructive properties will be transmitted or that no damage will occur to your computer system.

- 4.4 Anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk menilai kualiti, kecukupan, kesempurnaan dan kebergunaan semua perkhidmatan, kandungan, nasihat, pendapat dan maklumat lain yang diperoleh atau dicapai melalui laman web myBSN Bawah 18 Tahun tersebut; mendapatkan nasihat profesional pada setiap masa dan mendapatkan pengesahan bebas tentang bahan dan maklumat yang disediakan di dalamnya sebelum membuat sebarang keputusan pelaburan, perniagaan atau komersial berdasarkan mana-mana bahan atau maklumat tersebut. Anda bertanggungjawab untuk membuat penilaian sendiri apabila membuat, mencapai dan menggunakan laman web myBSN Bawah 18 Tahun tersebut, perkhidmatan di dalamnya dan kandungannya dan anda bersetuju untuk menanggung sepenuhnya risiko bagi capaian dan penggunaan anda pada setiap masa.

You are solely responsible to evaluate the quality, adequacy, completeness and usefulness of all services, content, advice, opinions and other information obtained or accessible through the myBSN Under 18 Years Old website; seek further professional advice at all times and obtain independent verification of the materials and information provided herein prior to making any investment, business or commercial decision based on any such materials or information. You are responsible for making your own assessment when accessing and using the myBSN Under 18 Years Old website, the services herein and the Content and you agree that your access and use thereof shall be at all times at your sole risk.

- 4.5 BSN tidak, pada bila-bila masa, bertanggungjawab atau menanggung liabiliti terhadap anda atau mana-mana orang lain bagi apa-apa kerosakan atau kerugian yang dialami (termasuk semua ganti rugi langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit, kerugian ekonomi, kehilangan keuntungan atau kehilangan peluang) yang berpunca daripada apa-apa gangguan kepada atau ketidakbolehsediaan laman web myBSN Bawah 18 Tahun tersebut, perkhidmatan di dalamnya dan/atau kandungannya dan/atau capaian dan penggunaan anda bagi perkara yang sama atas apa-apa sebab selain kegagalan sistem di mana kegagalan tersebut berpunca daripada tindakan langsung, kecuaian atau peninggalan kami, atau di mana kami telah dimaklumkan sewajarnya tentang kemungkinannya; atau daripada sebarang kelewatan atau ralat dalam mana-mana pengiriman atau komunikasi berkaitan capaian dan penggunaan anda terhadap laman web myBSN Bawah 18 Tahun tersebut, perkhidmatan dan kandungan di dalamnya.

BSN shall not, at any time, be responsible or liable to you or any other person for any damage or loss suffered (including all direct, indirect, special or consequential damages, economic loss, loss of profits or loss of opportunity) arising from any interruption or unavailability of the myBSN Under 18 Years Old website, the services therein and/or the content therein and/or your access to and use of the same for whatever reason other than a failure in the system where such failure is due to our direct actions, negligence or omission, or where we have been duly informed of its possibility; or from any delay or error in any transmission or communication pertaining to your access and use of the myBSN Under 18 Years Old website, the services and the content herein.

5.0 PERALATAN DAN CAPAIAN RANGKAIAN / EQUIPMENT AND NETWORK ACCESS

- 5.1 Dalam bidang di luar kawalan BSN, seperti keselamatan peralatan yang anda gunakan untuk mencapai laman web myBSN Bawah 18 Tahun, anda bersetuju bahawa anda bertanggungjawab terhadap pemasangan, penyenggaraan dan operasi terminal komputer anda atau peranti yang serupa dengan cara yang tidak memberikan apa-apa peluang kepada mana-mana pihak ketiga untuk mencapai maklumat peribadi anda.

In areas where it is beyond BSN's control, such as the security of the equipment used by you to access the myBSN Under 18 Years Old website, you agree that it is your obligation for installation, maintenance and operation of your computer terminal or other similar devices in a manner that does not present any opportunity for any third party to access to your personal information.

- 5.2 Anda bersetuju untuk membeli, memasang dan menyenggara perisian atau aplikasi yang digunakan untuk mencapai laman web myBSN Bawah 18 Tahun dengan kos dan perbelanjaan anda sendiri. Anda bertanggungjawab terhadap semua caj telekomunikasi dan apa-apa caj berkaitan yang ditanggung oleh Penyedia Perkhidmatan Rangkaian dan/atau mana-mana pihak ketiga.

You agree to purchase, install and maintain the software or applications used in accessing the myBSN Under 18 Years Old website at your own cost and expense. You are responsible for all the telecommunication charges and any other related charges incurred by the Network Service Provider and/or any other third parties.

6.0 CAPAIAN KE PERKHIDMATAN PERBANKAN INTERNET myBSN Bawah 18 Tahun / ACCESS TO myBSN Under 18 Years Old INTERNET BANKING SERVICES

- 6.1 Anda perlu mematuhi langkah-langkah di bawah bagi Pendaftaran Kali Pertama:
- Layari www.bsn.com.my, klik "Log Masuk ke myBSN".
 - Klik "Pendaftaran Kali Pertama".
 - Baca dan terima Terma dan Syarat.
 - Masukkan Nombor Kad Debit / Kad Kredit, Nombor PIN (untuk Kad Debit sahaja), Bulan Tamat Tempoh dan CVV2.
 - Masukkan Nombor Kad Pengenalan Baru atau Kad Pengenalan Lama atau Nombor Pasport.
 - Masukkan Nama Pengguna dan Kata Laluan baru anda dan kemudian mohon "One Time Password" (OTP) (kata laluan sekali).
 - Masukkan OTP (kata laluan sekali) yang diterima dan pilih imej sekuriti anda.
 - Klik "Log Masuk Kali Pertama" dan masukkan butiran peribadi anda.
 - Selepas pendaftaran anda berjaya dilakukan, capaian anda ke laman web myBSN Bawah 18 Tahun dianggap sudah diaktifkan.

The following steps are required to be followed for First Time Registration:

- Visit www.bsn.com.my, click "Login to myBSN".
- Click on "First Time Registration".
- Read and accept the Terms and Conditions.
- Enter Debit / Credit Card Number, PIN (for Debit Card Only), Expiry Month and CVV2
- Enter New IC Number or Old IC Number or Passport Number.
- Insert new User ID and Password and then request One Time Password ("OTP").
- Key in the received OTP and select security image.
- Click "First Time Login" and key in your personal details.
- Upon the successful registration, your access to myBSN Under 18 Years Old website will be deemed to have been activated.

- 6.2 Selepas pengesahan Nama Pengguna dan Kata Laluan anda berjaya dibuat oleh BSN, semua arahan atau transaksi yang dikeluarkan selepas itu dianggap disebabkan oleh Pelanggan walaupun capaian, arahan atau transaksi itu mungkin telah dilakukan oleh pihak ketiga sama ada dengan atau tanpa kebenaran Pelanggan. Setelah pendaftaran anda berjaya dilakukan, pihak BSN berhak menentukan skop fungsi, perkhidmatan dan akaun yang akan disediakan untuk anda dalam laman web myBSN Bawah 18 Tahun.

After a successful authentication of your Username and Password by BSN, all instructions or transactions issued thereafter shall be deemed to be effected by the Customer notwithstanding that such access, instruction or transaction

may have been made by a third party whether authorised or unauthorised by the Customer. Upon your successful registration, BSN reserves the right to determine the scope of functions, services and accounts that will be made available to you in the myBSN Under 18 Years Old website.

- 6.3 BSN mempunyai hak mutlak untuk menolak mana-mana pendaftaran atau menggantung mana-mana pengguna berdaftar tanpa mengeluarkan sebarang notis. Anda bersetuju untuk melepaskan BSN daripada sebarang akibat atau kerugian yang mungkin anda alami berikutan kegagalan anda untuk mengakses laman web myBSN Bawah 18 Tahun atas apa-apa sebab.

BSN reserves the absolute right to deny any registration or to suspend any registered users without any prior notification. You agree not to hold BSN liable for any consequences or losses that you may suffer as a result of your inability to access to myBSN Under 18 Years Old website due to any reason.

- 6.4 Apabila anda sudah log masuk ke Perkhidmatan Perbankan Internet, anda tidak boleh pada bila-bila masa meninggalkan terminal atau peranti lain yang anda gunakan untuk mencapai Perkhidmatan Perbankan Internet tersebut atau membenarkan orang lain menggunakan sehingga anda telah log keluar. Anda bertanggungjawab untuk memastikan yang anda sudah log keluar pada akhir setiap sesi.

Once you have logged on to the Internet Banking Services, you must not leave the terminal or other devices from which you have accessed the Internet Banking Services at any time or let anyone else use it until you have logged off. You are responsible for ensuring that you have logged off at the end of each session.

7.0 PENGGUNAAN PERKHIDMATAN PERBANKAN myBSN Bawah 18 Tahun / USE OF myBSN Under 18 Years Old INTERNET BANKING SERVICES

- 7.1 Apabila log masuk ke laman web myBSN Bawah 18 Tahun berjaya, anda bersetuju bahawa BSN mempunyai hak mutlak untuk menentukan skop perkhidmatan Perbankan Internet pada bila-bila masa BSN anggap sesuai dan BSN berhak untuk menambah, menggantung, mengehadkan dan meminda apa-apa fungsi yang disediakan untuk anda dari semasa ke semasa.

Upon the successful login to myBSN Under 18 Years Old website, you agree that BSN reserves absolute right to determine the scope of Internet Banking services as and when BSN deems fit and BSN reserves the right to add, suspend, limit and amend any functions made available to you from time to time.

- 7.2 Apabila log masuk ke laman web myBSN Bawah 18 Tahun diaktifkan, anda bersetuju untuk mencapai atau mengurus Akaun kepunyaan anda yang sah. Sekiranya anda dapat mencapai mana-mana akaun bukan kepunyaan anda, anda bersetuju yang anda akan dipertanggungjawabkan sepenuhnya terhadap apa-apa transaksi tanpa izin yang anda lakukan dan anda akan menanggung rugi BSN terhadap segala akibat yang timbul daripada capaian atau transaksi tanpa izin yang anda lakukan tersebut. Anda hendaklah memastikan Akaun anda mempunyai dana yang mencukupi sebelum melaksanakan apa-apa arahan atau transaksi melalui laman web myBSN Bawah 18 Tahun. BSN berhak menolak mana-mana transaksi kerana kekurangan dana dalam Akaun anda.

Upon the activation of myBSN Under 18 Years Old website login, you agree to access or transact accounts that legally belong to you. In the event that you are able to access any accounts not belonging to you, you agree that you shall be fully liable for any unauthorised transaction performed by you and you will indemnify BSN for all consequences arising from your unauthorised access or transactions. You shall ensure that your accounts have sufficient funds before performing any instructions or transactions via myBSN Under 18 Years Old website. BSN has the right to reject any transaction due to insufficient funds in your Account(s).

- 7.3 Sekiranya terdapat lebihan dana yang dikeluarkan daripada Akaun anda disebabkan oleh Arahan anda dan Arahan tersebut telah dilaksanakan oleh BSN atau sebaliknya, anda bersetuju untuk membayar balik jumlah lebihan dana tersebut termasuk faedah atau caj yang ditanggung BSN. Anda bersetuju bahawa Akaun anda akan didebit oleh BSN dengan serta-merta setelah setiap transaksi selesai dilaksanakan di laman web myBSN Bawah 18 Tahun termasuk apa-apa fi atau caj yang diluluskan.

In the event of overdrawn of funds from your Account(s) as a result of your Instructions and such Instructions have been carried out by BSN or otherwise, you agree to repay the overdrawn fund amount including the interest or charges incurred by BSN. You agree that your Account(s) will be debited by BSN immediately upon completion of each transaction carried out in myBSN Under 18 Years Old website inclusive of any approved fees or charges.

8.0 HAD TRANSAKSI / LIMITS ON TRANSACTIONS

Jika anda hendak menukar had pada transaksi yang dijalankan melalui laman web myBSN Bawah 18 Tahun untuk tujuan kawalan, anda berhak untuk mengenakan had tersebut ke atas jumlah. Anda boleh log masuk ke www.bsn.com.my atau kunjungi mesin ATM BSN untuk menyesuaikan had tersebut dari semasa ke semasa, tertakluk kepada had maksimum yang dibenarkan. Had yang ditetapkan dan had maksimum yang dibenarkan tersedia boleh didapati di laman sesawang, www.bsn.com.my, dan tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa dengan pemberitahuan awal kepada anda.

If you want to change the limit on the transactions carried out through the myBSN Under 18 Years Old website for control purposes, you have the right to impose a limit on the amount. You can log on to www.bsn.com.my or visit BSN ATM machine to adjust the limit from time to time, subject to the maximum limit allowed. The prescribed limits and maximum permitted limits are available on the website, www.bsn.com.my and are subject to change from time to time with prior notification to you.

9.0 PEMBERIAN KUASA / AUTHORISATION

Anda dengan ini memberi kuasa kepada BSN untuk mematuhi semua Arahan yang diberikan berkaitan laman web myBSN Bawah 18 Tahun termasuk, tetapi tidak terhad kepada, memberi kuasa kepada BSN untuk memindahkan, mengeluarkan, menghantar serah, melupuskan atau menguruskan apa-apa sekuriti, dokumen atau harta lain.

You hereby authorise BSN to comply with all Instruction(s) given in respect of the myBSN Under 18 Years Old website including but not limited to authorising BSN to transfer, withdraw, deliver, dispose of or deal with any securities, documents or other properties.

10.0 ARAHAN / INSTRUCTION

- 10.1 Anda dengan ini bersetuju bahawa sebarang Arahan yang diterima oleh BSN setelah anda berjaya menggunakan Nama Pengguna dan Kata Laluan anda merupakan pemberian kuasa kepada BSN untuk menerima dan bertindak menurut Arahan anda. Sekiranya anda atau seseorang yang mengaku sebagai anda mencapai akses ke laman web myBSN Bawah 18 Tahun dan memberikan apa-apa Arahan kepada BSN, anda bersetuju bahawa Arahan tersebut akan dianggap sebagai diberi oleh anda walaupun Arahan tersebut hakikatnya dikeluarkan oleh suatu pihak ketiga sama ada dengan izin atau tanpa izin anda dan BSN tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang ditanggung oleh anda.

You hereby agree that any Instruction(s) received by BSN after the successful use of your Username and Password is an authorisation for BSN to rely and act upon your Instruction(s). In the event that you or someone purporting to be you access to myBSN Under 18 Years Old website and give any Instruction(s) to BSN, you agree that such Instruction(s) shall be deemed to have been issued by you notwithstanding that such Instruction(s) may have been issued by a third party whether authorised or unauthorised and BSN shall not be liable for any loss which may incur.

- 10.2 Anda bersetuju bahawa Bank berhak mengambil tindakan terhadap apa-apa Arahan yang dihantar selepas anda atau seseorang yang mengaku sebagai anda atau mana-mana pihak ketiga, sama ada dengan izin atau tidak, berjaya menggunakan Nama Pengguna dan Kata Laluan untuk mencapai Perkhidmatan Perbankan Internet dan anda bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian yang anda dan/atau mana-mana pihak ketiga tanggung akibat tindakan Bank itu.

You agree that the Bank shall be entitled to act on any Instruction(s) transmitted after the successful use of your Username and Password to gain access to the Internet Banking Services by you or someone purporting to be you or by any third party, whether authorised or unauthorised, and you agree that the Bank shall not be liable for any loss which you and/or any third party may incur by the Bank's action.

- 10.3 BSN berhak, tanpa memberikan sebarang sebab, untuk menolak mana-mana Arahan anda kepada BSN yang tidak selaras dengan polisi BSN atau atas sebab-sebab lain. Anda bersetuju untuk sentiasa menyemak Rekod Transaksi berkaitan dengan mana-mana transaksi di laman web myBSN Bawah 18 Tahun dan BSN tidak akan menanggung liabiliti atau dipertanggungjawabkan bagi apa-apa pencacatan, gangguan, peninggalan, ralat, kelewatan atau ketakpenerimaan atau salah tafsir Arahan anda.

BSN reserves the right, without having to assign any reasons, to refuse to act on any of your Instruction(s) given to BSN if your Instruction(s) are inconsistent with BSN's policy or any other reasons. You agree to regularly review the Transaction

Record pertaining to any myBSN Under 18 Years Old website transactions and BSN shall not be held responsible or liable for any mutilation, interruptions, omission, errors, delay or from its non-receipt or misinterpretation of your Instruction(s).

- 10.4 Sekiranya anda mempunyai apa-apa sebab untuk percaya bahawa suatu Arahan tidak diterima oleh BSN dengan tepat atau sepenuhnya, anda hendaklah serta-merta memberitahu BSN melalui telefon atau dalam apa-apa hal lain tidak lebih daripada dua puluh empat (24) jam selepas anda menghantar Arahan berkenaan.

Should you have any reason to believe that an Instruction has not been accurately or completely received by BSN, you shall immediately inform BSN by telephone or in any other case no later than twenty four (24) hours after transmission of the relevant Instruction(s).

- 10.5 Sebarang arahan kepada BSN bagi pembatalan, pemansuhan, pembalikan atau pindaan atau penjelasan terhadap Arahan anda terdahulu hanya boleh dilaksanakan jika permohonan anda diterima dan dilaksanakan sebelum Arahan terdahulu dilaksanakan.

Any Instruction(s) to BSN for cancellation, revocation, reversal or amendment or clarification of your earlier Instructions can only be effected if your request is received and effected before the earlier Instruction is executed.

11.0 KEBOLEHSEDIAAN PERKHIDMATAN myBSN Bawah 18 Tahun / AVAILABILITY OF SERVICE myBSN Under 18 Years Old

- 11.1 Laman web myBSN Bawah 18 Tahun bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan 24 jam sehari sepanjang tahun. Namun, anda mengakui bahawa laman web myBSN Bawah 18 Tahun tidak menjamin kebolehsediaan pada sepanjang masa dan mungkin tidak boleh dicapai pada tempoh masa tertentu disebabkan penyenggaraan sistem atau apa-apa sebab di luar kawalan BSN.\

myBSN Under 18 Years Old website is intended to provide 24 hours service a day throughout the year. However, you acknowledge that the myBSN Under 18 Years Old website does not warrant availability at all times and may not be accessible at certain window of time due to system maintenance or any other reasons beyond BSN's control.

- 11.2 Anda bersetuju bahawa BSN mempunyai hak mutlak untuk dari semasa ke semasa menarik balik mana-mana perkhidmatan sedia ada atau mengubah suai perkhidmatan sedia ada di laman web myBSN Bawah 18 Tahun tanpa memberikan sebarang notis atau sebab terlebih dahulu dan BSN tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang anda mungkin tanggung akibat tindakan BSN.

You agree that BSN has the absolute right to withdraw any of the existing services or modify the existing services in the myBSN Under 18 Years Old without any prior notice or reason from time to time and BSN shall not be liable for any loss which you may suffer as a result of BSN's action.

12.0 MAKLUMAT AKAUN / ACCOUNT INFORMATION

Anda bersetuju bahawa semua maklumat anda yang diberikan di laman web myBSN Bawah 18 Tahun adalah benar dan dikemas kini dan BSN tidak menjamin ketepatan sebarang maklumat berkaitan Akaun atau transaksi anda yang dilaporkan melalui laman web myBSN Bawah 18 Tahun. Anda mengakui bahawa sebarang maklumat berkaitan Akaun anda mungkin tidak dikemaskini sepenuhnya dan baki Akaun atau transaksi yang dilaporkan melalui laman web myBSN Bawah 18 Tahun tidak boleh dianggap sebagai status Akaun anda yang muktamad bagi apa-apa tujuan. BSN akan memberikan anda penyata Akaun yang menyenaraikan transaksi myBSN Bawah 18 Tahun yang dilaksanakan berdasarkan Arahan anda seperti yang dipersetujui dalam Terma Akaun BSN.

You agree that all your information provided to the myBSN Under 18 Years Old website are true and updated and BSN does not warrant the accuracy of any information pertaining to your Account(s) or transaction reported via the myBSN Under 18 Years Old website. You acknowledge that any information pertaining to your Account(s) may not be completely up to date and the account balance or transaction reported through the myBSN Under 18 Years Old website shall not for any purpose whatsoever be taken as conclusive of the status of your Account(s). BSN will issue you such statements of account listing myBSN Under 18 Years Old transactions performed based on your Instruction(s) as agreed in BSN's Account Terms.

13.0 PEMINDAHAN DANA / FUND TRANSFER

Pemindahan dana daripada Akaun anda ke Akaun anda sendiri atau Akaun pihak ketiga yang diselenggara oleh BSN akan dilaksanakan serta-merta. Dari semasa ke semasa, BSN mempunyai hak mutlak untuk mengenakan apa-apa kekangan, terma dan syarat terhadap mana-mana perkhidmatan Pemindahan Dana, yang dianggap perlu atau menurut keperluan pihak berkuasa yang berkenaan. Anda bersetuju bahawa BSN tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kelewatan atau penolakan oleh bank lain dalam memindahkan dana melalui laman web myBSN Bawah 18 Tahun ke bank lain yang mungkin tertakluk pada syarat bank penerima.

Transferring of funds from your Account to your own Account or to a third party Account maintained with BSN shall be effected immediately. BSN from time to time, reserves absolute rights to impose any limitations, terms and conditions for any Fund Transfer services as it deemed fit or in accordance to the requirement of relevant authorities. You agree that BSN shall not liable for any delay or rejection by other bank for transferring of funds via the myBSN Under 18 Years Old website to another bank which may subjected to the conditions of the receiving bank.

14.0 FI DAN CAJ / FEES AND CHARGES

Anda bersetuju dan mengakui bahawa BSN mempunyai hak dan budi bicara mutlak untuk mengenakan, dari semasa ke semasa, suatu fi dan caj perkhidmatan (berdasarkan Ujrah) bagi apa-apa perkhidmatan yang disediakan oleh BSN di laman web myBSN Bawah 18 Tahun dan tertakluk kepada BSN memberi anda notis terlebih awal berkenaan fi dan caj tersebut. Anda bersetuju akan menanggung liabiliti dan bertanggungjawab terhadap apa-apa fi atau caj yang dikenakan oleh BSN, penyedia perkhidmatan BSN atau mana-mana pihak ketiga untuk capaian ke laman web myBSN Bawah 18 Tahun. Tertakluk pada Terma Akaun bagi Akaun anda, anda mengakui bahawa BSN berhak mendebit apa-apa caj, duti setem atau cukai Kerajaan kena dibayar daripada Akaun anda yang berkaitan ekoran penggunaan perkhidmatan di laman web myBSN Bawah 18 Tahun.

You agree and acknowledge that BSN reserve the sole right and discretion to levy, from time to time, a service fee and charges (based on Ujrah) for any services provided by BSN on the myBSN Under 18 Years Old website and subject to BSN giving you prior notice of such fee and charges. You agree to remain liable and responsible for any fees or charges imposed by BSN, BSN's service providers or any third party for connecting to the myBSN Under 18 Years Old website. Subject to the Account Terms of your Account(s), you acknowledge that BSN reserves the right to debit your relevant Account(s) for any Government charges, stamp duties or taxes payable as a result of the use of myBSN Under 18 Years Old services.

15.0 PENDEDAHAN MAKLUMAT PELANGGAN / DISCLOSURE OF CUSTOMER'S INFORMATION

- 15.1 Anda bersetuju bahawa pendedahan maklumat anda dilakukan melalui internet, kakitangan yang dibenarkan BSN, vendor, ejen dan penyedia perkhidmatannya yang menyediakan perkhidmatan atau khidmat sokongan secara langsung atau tidak langsung kepada BSN yang mematuhi dan dibenarkan oleh undang-undang dan peraturan. Dengan ini anda bersetuju membenarkan BSN menggunakan maklumat Akaun anda bagi semua tujuan yang sah melainkan anda dengan jelas memaklumkan kepada BSN secara bertulis tentang keengganinan anda mendedahkan maklumat Akaun anda bagi apa-apa tujuan tertentu.

You agree that the disclosure of your information made available through internet, BSN authorised personnel, its vendors, agents and service provider that directly or indirectly provide services or support to BSN which comply and permitted by laws and regulations. You hereby agree to authorise BSN to make use of your account information for all legitimate purpose unless you specifically inform BSN in writing of your refusal to disclose your account information for any specific purpose.

- 15.2 Anda mengakui bahawa meskipun BSN komited dalam memastikan semua maklumat yang dihantar atau diterima melalui laman web myBSN Bawah 18 Tahun selamat dan tidak dapat dicapai oleh pihak ketiga tanpa izin, BSN tidak menjamin keselamatan apa-apa maklumat yang dihantar melalui laman web myBSN Bawah 18 Tahun. Begitu juga, anda bersetuju menanggung semua risiko berkaitan penggunaan perkhidmatan BSN yang maklumatnya boleh dicapai oleh pihak ketiga tanpa izin dan bersetuju untuk tidak mempertanggungjawabkan BSN bagi capaian tanpa izin tersebut atau apa-apa kerugian atau kerosakan ekoran pencerobohan tersebut. Anda bersetuju bahawa BSN atau mana-mana pegawaiannya tidak dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan yang ditanggung akibat pendedahan atau pemaparan apa-apa maklumat berkaitan Akaun anda dengan BSN.

You acknowledge that although BSN is committed to ensure that all information transmitted or received via the myBSN Under 18 Years Old website is secure and inaccessible by unauthorised third parties, BSN does not warrant the security of any information transmitted via the myBSN Under 18 Years Old website. Accordingly, you agree to accept all risk associated while using our services which information may be accessed by unauthorised third parties and agree not to hold BSN liable for any such unauthorised access or any loss or damage suffered as a result thereof. You agree that neither BSN nor any of its officers shall be liable for any loss or damage suffered as a result of disclosing or revealing of any information concerning your Account(s) with BSN.

15.3 Dengan ini anda dengan jelas memberi kuasa dan kebenaran kepada BSN untuk mendedahkan, menyatakan dan/atau dengan cara lain memperlihatkan apa-apa dan semua butiran dan maklumat berkaitan anda atau Akaun anda atau mana-mana transaksi atau urusan antara anda dengan BSN bagi tujuan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, berikut:

- a) Bagi menyediakan perkhidmatan berkaitan Akaun anda atau menawarkan kemudahan, produk dan perkhidmatan lain melainkan anda secara wajar memaklumkan kepada kami sebaliknya.
- b) Kepada mana-mana subsidiari, anggota gabungan, rakan niaga dan/atau mana-mana orang lain setakat yang perlu untuk melengkapkan, mengesahkan atau menghadkan apa-apa transaksi atau arahan.
- c) Untuk mematuhi undang-undang, peraturan, agensi kerajaan dan pihak berkuasa di Malaysia dan tempat-tempat lain termasuk perintah dan permintaan mahkamah.
- d) Untuk mengesahkan kewujudan dan keadaan Akaun anda kepada pihak ketiga seperti biro kredit atau rakan niaga.
- e) Apabila anda meminta atau memberi kuasa kepada BSN untuk melakukan sedemikian, sama ada secara bertulis atau selainnya.
- f) Untuk melindungi dan membela BSN dan hartanya.

You hereby expressly grant BSN authorisation and permission to divulge, reveal and/or otherwise disclose any and all particulars and information relating to you or your Account(s) or any transactions or dealings between you and BSN for, including but not limited to, the following reasons:

- a) *To provide services relating to your Account(s) or to offer other facilities, products and services unless you duly inform us otherwise.*
- b) *To any of BSN's subsidiaries, affiliates, business partners and/or any other persons to the extent necessary to complete, verify or restrict a transaction or Instruction(s).*
- c) *To comply with laws, regulations, government agencies and authorities in Malaysia and elsewhere including court orders and requests.*
- d) *To verify the existence and condition of your Account(s) for a third party such as a credit bureau or merchant.*
- e) *Where you request or authorise BSN to do so, whether in writing or otherwise.*
- f) *To protect and defend BSN and its property.*

15.4 Anda dengan ini memberi kuasa kepada BSN untuk memperoleh apa-apa maklumat daripada mana-mana orang, organisasi, pihak berkuasa, syarikat, perbadanan atau mana-mana entiti lain berkaitan Akaun anda atau perkhidmatan perbankan sekiranya dengan suci hati diperlukan oleh BSN dan memberi kuasa kepada orang tersebut untuk mendedahkan apa-apa maklumat yang diperlukan BSN.

You hereby authorise BSN to procure any information from any person, organisation, authority, company, corporate or any other entity as BSN may in good faith deem fit in connection with your Account(s) or the banking services and authorises the disclosure by such person of any information required by BSN.

16.0 KERAHSIAAN / CONFIDENTIALITY

16.1 Walaupun BSN komited memastikan segala maklumat yang dihantar melalui laman web myBSN Bawah 18 Tahun adalah selamat, BSN tidak menjamin keselamatan sebarang maklumat yang anda serahkan ketika menggunakan perkhidmatan BSN. Anda bersetuju bahawa BSN tidak bertanggungan terhadap sebarang capaian tanpa kebenaran atau sebarang kerugian atau kerosakan yang anda tanggung.

Although BSN is committed to ensure all information transmitted via the myBSN Under 18 Years Old website is secure, BSN does not warrant the security of any information submitted by you while using BSN's services. You agree that BSN shall not be liable for any unauthorised access or any loss or damage suffered by you.

16.2 Anda mengaku janji untuk mematuhi semua langkah keselamatan yang ditetapkan oleh BSN mengenai Nama Pengguna, Kata Laluan atau mana-mana pengesahan capaian anda amnya berkaitan dengan penggunaan laman web myBSN Bawah 18 Tahun. Anda bersetuju untuk memadam mana-mana data,

maklumat atau capaian melalui Perkhidmatan Perbankan Internet di laman web myBSN Bawah 18 Tahun yang tidak dimaksudkan untuk anda dan hendaklah segera memaklumkan BSN dan dalam apa-apa hal tidak lewat daripada dua belas (12) jam.

You undertake to observe all security measures prescribed by BSN concerning your Username, Password or any authentication access generally in respect of the use of the myBSN Under 18 Years Old website. You agree to delete any data, information or access through the Internet Banking Services in the myBSN Under 18 Years Old website which is not intended for you and shall immediately notify BSN and in any case not later than twelve (12) hours.

17.0 PENGECUALIAN LIABILITI / EXCLUSIONS OF LIABILITY

- 17.1 Walaupun BSN komited untuk memastikan yang laman web myBSN Bawah 18 Tahun mematuhi segala keperluan kawal selia, anda mengakui bahawa BSN dan Anggota Gabungannya tidak membuat sebarang bentuk jaminan atau representasi berkaitan perkhidmatan, sama ada secara tersurat atau tersirat, termasuk tetapi tidak terhad kepada kebolehdagangan atau kesesuaian bagi suatu tujuan khusus. BSN atau mana-mana pihak lain yang terlibat dalam mencipta, mengeluarkan atau menghantar serah perkhidmatan BSN tidak bertanggungjawab terhadap penggunaannya oleh anda. Maklumat atau nasihat sama ada secara lisan atau bertulis yang diberikan oleh BSN, kakitangan atau Anggota Gabungannya bukan suatu jaminan dan penerimaan anda terhadap maklumat atau nasihat sedemikian adalah berdasarkan pertimbangan anda sendiri.

While BSN is committed to ensure that the myBSN Under 18 Years Old website complies with all regulatory requirements, you acknowledge that BSN and its Affiliates make no warranties or representations of any kind with respect to the services, whether express or implied, including but not limited to merchantability or fitness for a particular purpose. Neither BSN nor any other parties involved in the creation, production or delivery of BSN's services assume any responsibilities with respect to your use thereof. The information or advice whether oral or written given by BSN, its staff or its Affiliates does not represent a warranty and your acceptance of such information or advice is based on your own judgment.

- 17.2 Dengan ini anda bersetuju dan mengakui bahawa BSN tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan yang timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuaian, liabiliti ketat atau apa-apa asas lain, termasuk tanpa had, kerosakan langsung atau tak langsung, khas, sampingan, berbangkit atau punitif, atau kehilangan keuntungan atau simpanan akibat capaian atau penggunaan atau kegagalan anda untuk mencapai atau menggunakan laman web myBSN Bawah 18 Tahun tersebut (atau mana-mana pautan pihak ketiga kepada atau daripada laman web BSN), kebergantungan kepada maklumat yang terkandung dalam laman web tersebut, apa-apa bentuk kegagalan teknikal, perkakasan atau perisian, gangguan, ralat, peninggalan, kelewatan operasi, virus komputer, atau selainnya.

You hereby agree and acknowledge that BSN shall not liable for any loss or damages howsoever arising whether in contract, tort, negligence, strict liability or any other basis, including without limitation, direct or indirect, special, incidental, consequential or punitive damages, or loss profits or savings arising in connection with your access or use or the inability to access or use the myBSN Under 18 Years Old website (or any third party link to or from BSN's website), reliance on the information contained in the website, any technical, hardware or software failure of any kind, the interruption, error, omission, delay in operation, computer viruses, or otherwise.

- 17.3 Walaupun BSN telah mengambil semua langkah munasabah bagi memastikan ketepatan dan kesempurnaan kandungan laman web myBSN Bawah 18 Tahun tersebut, BSN menolak sepenuhnya sebarang jaminan, aka janji atau representasi setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang yang terpakai, yang laman web tersebut atau mana-mana bahagian kandungan atau bahannya, ketepatan, kebolehsediaan atau kesempurnaan kandungan laman web tersebut atau mana-mana bahagian kandungannya adalah bersesuaian.

While BSN has taken all reasonable steps to ensure the accuracy and completeness of the content of the myBSN Under 18 Years Old website, BSN excludes any warranties, undertakings or representations to the full extent permitted under applicable law, that the website or any part of the content or materials, accuracy, availability or completeness of the content of the website or any part of the contents.

18.0 HAK EMPUNYA / PROPRIETARY RIGHTS

- 18.1 Anda mengakui bahawa semua hak empunya (termasuk tanpa had kepada teks, grafik, skrip, imej, video dan hasil multimedia lain atau kombinasinya dalam apa-apa format) yang terpapar di laman web myBSN

Bawah 18 Tahun adalah hak milik BSN dan/atau syarikat berkaitannya dan/atau Anggota Gabungannya dan dilindungi sepanjang masa oleh hak cipta, tanda dagangan, paten atau apa-apa hak harta intelektual lain.

You acknowledge that all proprietary rights (including without limitation to text, graphic, script, image, video and other multimedia work or combination thereof in whatever format) displayed in the myBSN Under 18 Years Old website belongs to BSN and/or its related companies and/or its Affiliates shall at all time protected by copyright, trademarks, patents or any other intellectual property rights.

- 18.2 Anda bersetuju untuk tidak mengeluarkan semula, menyalin, menghantar, menerbitkan, mengubah, mengedarkan, membuat hiperpautan, menjual atau dalam apa-apa cara pun mengeksplorasi kandungan tanpa kebenaran BSN atau pihak ketiga yang berkenaan. Sebarang pengeluaran semula, penyalinan atau ubah suai apa-apa kandungan laman web myBSN Bawah 18 Tahun boleh dianggap melanggar undang-undang.

You agree not to reproduce, copy, transmit, publish, modify, distribute, hyperlink, sell or in any way of exploite the contents without BSN's consent or other relevant third party. Any such unauthorised reproduction, copying or modification of any contents in the myBSN Under 18 Years Old website may be in the breach of statutory.

19.0 PENGUNAAN ANTARABANGSA / INTERNATIONAL USE

- 19.1 Penggunaan perkhidmatan di laman web myBSN Bawah 18 Tahun di luar Malaysia adalah tertakluk pada Peraturan Kawalan Pertukaran Bank Negara Malaysia atau syarat kawalan fiskal atau pertukaran di negara di mana transaksi itu dibuat atau dimohon; dan undang-undang dan peraturan Malaysia dan negara di mana transaksi itu dibuat atau dimohon.

The use of the services on the myBSN Under 18 Years Old website outside of Malaysia is subject to the Exchange Control Regulations of Bank Negara Malaysia or any fiscal or exchange control requirements operating in the country where the transaction is effected or requested; and the laws and regulations of Malaysia and the country where the transaction is effected or requested.

- 19.2 Amaun maksimum suatu transaksi dan tujuan transaksi itu dibuat boleh ditentukan oleh Bank Negara Malaysia dan undang-undang dan peraturan negara di mana transaksi itu dibuat atau dimulakan. Dengan ini anda bersetuju bahawa anda menggunakan laman web myBSN Bawah 18 Tahun atas inisiatif sendiri dan anda bertanggungjawab terhadap pematuhan undang-undang tempatan.

The maximum amount of a transaction and the purpose for which it is effected may be determined by Bank Negara Malaysia and the laws and regulations of the country in which the transaction is effected or initiated. You hereby agree that you are using the myBSN Under 18 Years Old website at your own initiative and are responsible for your compliance with local laws.

20.0 TANGGUNG RUGI / INDEMNITI / INDEMNITY

Sebagai tambahan dan tanpa prasangka terhadap apa-apa hak atau remedii BSN lain, sama ada di bawah Terma dan Syarat ini atau sebaliknya, dengan ini anda bersetuju melepaskan tanggungan dan memastikan BSN, pengarah dan pekerjaanya terlepas tanggungan daripada dan terhadap apa-apa dan semua tuntutan, kerugian, liabiliti, kos dan perbelanjaan (termasuk tetapi tidak terhad pada apa-apa fi guaman) yang timbul secara langsung atau tidak langsung atau yang boleh timbul disebabkan anda memungkiri atau melanggar Terma dan Syarat ini atau mana-mana hak pihak ketiga atau penggunaan anda atau tujuan anda menggunakan perkhidmatan BSN atau disebabkan kelewatan dan/atau kegagalan perkhidmatan sedemikian. Pelepasan tanggungan tersebut akan terus berkuat kuasa selepas penamatkan perkhidmatan ini.

In addition and without prejudice to any other right or remedy of BSN, whether under this Terms and Conditions or otherwise, you hereby agree to indemnify and keep BSN, its directors and employees indemnified from and against any and all claims, losses, liabilities, cost and expenses (including but not limited to any legal fees) arising directly or indirectly or which may arise out of your breach or violation of these Terms and Conditions or any third party rights or your use or purported use of BSN's services or due to the delay and/or failure of such services. This obligation to indemnify BSN shall survive the termination of this service.

21.0 PENEPIAN / WAIVER

Anda bersetuju bahawa sebarang kegagalan BSN untuk melaksanakan apa-apa hak, kuasa, keistimewaan, remedii atau peruntukan Terma dan Syarat ini atau kegagalan atau kelewatan BSN dalam menguatkuasakan pematuhan terhadap mana-mana terma di dalam Terma dan Syarat ini tidak akan menjadi penepian hak, kuasa, keistimewaan, remedii atau peruntukan Terma dan Syarat ini.

You agree that any failure of BSN, to exercise any rights, power, privileges, remedies or provisions of these Terms and Conditions or BSN's failure or delay to enforce compliance with any of the terms in this Terms and Conditions shall not constitute a waiver by BSN of any such rights, power, privileges, remedies or provisions of these Terms and Conditions.

22.0 KEBOLEHASINGAN / SEVERABILITY

Anda bersetuju bahawa jika apa-apa aku janji dan/atau sebahagian daripada Terma dan Syarat ini dianggap tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan menurut undang-undang terpakai, maka peruntukan yang tidak sah dan tidak boleh dikuatkuasakan itu dianggap digantikan oleh suatu peruntukan yang sah dan boleh dikuatkuasakan yang paling serupa dengan niat peruntukan asal dan bahawa semua peruntukan Terma dan Syarat lain akan terus berkuat kuasa dan dikenakan sepenuhnya.

You agree that if any undertakings and/or part of these Terms and Conditions herein are held to be invalid or unenforceable pursuant to applicable law, then the invalid and unenforceable provision will be deemed superseded by a valid, enforceable provision that most closely matches the intent of the original provision and that all other provisions of the Terms and Conditions shall continue in full force and effect.

23.0 NOTIS / NOTICE

23.1 Dengan ini anda bersetuju bahawa semua notis dan komunikasi lain berkaitan myBSN Bawah 18 Tahun boleh disampaikan melalui apa-apa cara seperti yang berikut:

- a) Melalui pos biasa atau surat berdaftar atau perkhidmatan kiriman cepat ke alamat terakhir anda dalam rekod BSN dan pemberitahuan itu dianggap sudah diterima dua (2) hari perniagaan selepas diposkan.
- b) Melalui mel elektronik ke alamat e-mel terakhir anda dalam rekod BSN dan notis itu dianggap sudah diterima selepas dua puluh empat (24) jam daripada penghantaran.
- c) Dengan dipaparkan di premis BSN atau cawangannya dan pemberitahuan itu dianggap berkuat kuasa setelah dipaparkan.
- d) Melalui iklan yang disiarkan sekali dalam mana-mana surat khabar nasional dan pemberitahuan itu dianggap berkuat kuasa selepas iklan tersebut disiarkan dalam surat khabar tersebut.
- e) Dengan menyisipkan suatu notis dalam Penyata Akaun BSN anda dan pemberitahuan itu dianggap berkuat kuasa dua (2) hari selepas tarikh diposkan.
- f) Dengan menyiaran suatu mesej dalam laman web myBSN dan pemberitahuan itu dianggap berkuat kuasa pada hari ia disiarkan di laman web tersebut.
- g) Melalui apa-apa cara pemberitahuan yang dianggap sesuai oleh BSN.

You hereby agree that all notices and other communications concerning myBSN Under 18 Years Old may be communicated by any of the following manner:

- a) *By ordinary post or registered mail or courier services to your last address in BSN's records and such notification shall be deemed to be received two (2) business days after posting.*
- b) *By electronic mail to your last known e-mail address in BSN's records and such notification shall be deemed received after twenty four (24) hours of sending.*
- c) *By being displayed on BSN's premises or branches and such notification shall be deemed effective upon such display.*
- d) *By way of advertisement made once in any national newspaper and such notification shall be deemed effective upon appearance of advertisement in any such newspaper.*
- e) *By inserting a notice in BSN's Statement of Account to you and such notification shall be deemed effective two (2) days from posting date.*
- f) *By way of broadcasting a message on myBSN website and such notification shall be deemed effective on the date of publication in the website.*
- g) *By notification in any manner as BSN deems fit.*

24.0 PENERIMAAN PERUBAHAN TERMA & SYARAT myBSN Bawah 18 Tahun / ACCEPTANCE OF CHANGES TO TERMS & CONDITIONS myBSN Under 18 Years Old

Anda mengakui dan menerima bahawa penggunaan laman web myBSN Bawah 18 Tahun menandakan penerimaan anda terhadap Terma & Syarat serta Kenyataan Privasi dan Keselamatan. Ini adalah Terma & Syarat semasa yang menggantikan mana-mana terma penggunaan myBSN Bawah 18 Tahun yang lain yang tersiar di laman web setakat kini. BSN boleh pada bila-bila masa mengubah Terma & Syarat ini dengan menyiaran Terma & Syarat terpindah di laman web myBSN Bawah 18 Tahun. Anda bersetuju bahawa dengan melakukan perkara ini, BSN sudah memberi anda cukup notis tentang perubahan tersebut. BSN merizabkan hak yang tidak dinyatakan dengan jelas di dalam Terma & Syarat ini.

You acknowledge and accept that your use of the myBSN Under 18 Years Old website indicates your acceptance of these Terms & Conditions and the Privacy and Security Statement. These are the current Terms & Conditions which replace any other terms of use for myBSN Under 18 Years Old published on the website to date. BSN may at any time vary the Terms & Conditions by publishing the varied Terms & Conditions on the myBSN Under 18 Years Old website. You accept that by doing this, BSN has provided you with sufficient notice of the variation. BSN reserves any rights not expressly granted in these Terms & Conditions.

25.0 PERTIKAIAN DAN PERTANYAAN myBSN Bawah 18 Tahun / DISPUTE AND ENQUIRIES ON myBSN Bawah 18 Tahun

Bagi apa-apa pertikaian, pertanyaan atau aduan atau sekiranya anda memerlukan bantuan lanjut, sila hubungi alamat seperti yang di bawah. Tambahan lagi, anda dinasihati agar menyemak Dasar Privasi, Kenyataan Keselamatan dan Piagam Pelanggan bsn di laman web myBSN Bawah 18 Tahun dan pihak BSN akan cuba menyelesaikan perkara itu dengan baik.

For any disputes, enquiries or complaints or should you require further assistance, please contact the below address. In addition, you are advised to review our Privacy Policy, Security Statement and Client Charter in the myBSN Under 18 Years Old website and BSN will try to settle the matter amicably.

- i. Pusat Khidmat Pelanggan (24 jam) / Customer Service Centre (24 hours)
- ii. Tel: 1300 88 1900 atau/or +603-2613 1900 (Luar Negara/ Overseas)
- iii. E-mel/ E-mail: customercare@bsn.com.my

26.0 PENAMATAN PERKHIDMATAN myBSN Bawah 18 Tahun / TERMINATION OF SERVICES myBSN Under 18 Years Old

Terma & Syarat ini (dan perjanjian yang terbentuk apabila anda menggunakan maklumat, grafik dan bahan di laman web myBSN Bawah 18 Tahun) dan capaian anda ke laman web myBSN Bawah 18 Tahun boleh ditamatkan pada bila-bila masa, tanpa notis, oleh BSN. Semua kekangan, lesen yang anda berikan dan semua penafian dan had liabiliti oleh BSN akan terus berkuat kuasa selepas penamatan. Namun, anda tidak lagi akan dibenarkan mencapai ke laman web myBSN Bawah 18 Tahun. BSN akan menamatkan hak capaian anda ke Perkhidmatan Perbankan Internet myBSN Bawah 18 Tahun BSN secara automatik sekiranya:

- a) Anda tidak lagi mengekalkan sebarang Akaun dengan BSN yang boleh dicapai melalui laman web myBSN Bawah 18 Tahun.
- b) Capaian ke Akaun anda digantung atau dikekang oleh BSN atau mana-mana pihak lain.
- c) Anda telah memberikan maklumat palsu atau tidak lengkap kepada BSN bagi capaian kepada atau penggunaan laman web myBSN Bawah 18 Tahun.
- d) Anda melanggar mana-mana terma, syarat atau peruntukan Terma & Syarat ini atau yang dikenakan oleh mana-mana badan perundangan atau kawal selia atau pihak berkuasa yang berkenaan.
- e) Anda gagal menjelaskan apa-apa fi atau caj pada tarikh ianya patut dibayar.
- f) Anda boleh menamatkan perkhidmatan BSN dengan memberi BSN notis bertulis terlebih dahulu, yang akan dikuatkuasakan dalam masa tujuh (7) hari dari tarikh penerimaan notis itu oleh BSN. Anda bersetuju bahawa BSN tidak perlu melaksanakan sebarang Arahan yang diterima pada atau selepas tarikh penamatan. Anda mengakui bahawa penamatan tidak akan menjelaskan liabiliti atau kewajipan anda berkaitan Arahan yang dilaksanakan bagi pihak anda oleh BSN.

These Terms & Conditions (and the agreement constituted by your use of the information, graphics and materials on the myBSN Under 18 Years Old website and your access to the myBSN Under 18 Years Old website) may be terminated at any time by BSN, without notice. All restrictions, licenses granted by you and all disclaimers and limitations of liability by



TERMA DAN SYARAT UNTUK myBSN Bawah 18 Tahun TERMS AND CONDITIONS FOR myBSN Under 18 Years Old

AM

BSN will survive termination, however, you will no longer be authorised to access the myBSN Under 18 Years Old website. BSN shall automatically terminate your right of access to the Internet Banking Services on myBSN Under 18 Years Old website in the event that:

- a) You cease to maintain any Account(s) with BSN which can be accessed via the myBSN Under 18 Years Old website.
- b) Your access to your Account(s) is suspended or restricted by BSN or any other party.
- c) You have provided BSN with false or incomplete information for your access to or use of the myBSN Under 18 Years Old website.
- d) You breach any term, condition or provision of this Terms & Conditions or laid down by any legal, regulatory or authority or body relevant hereto.
- e) You fail to pay any fees or charges when due.
- f) Your may terminate BSN's services by providing BSN a prior written notice, which will take effect within seven (7) days from the date of BSN's receipt of such notice. You agree that BSN is not required to execute any Instruction(s) that is received on or after the date of termination. You acknowledge that such termination will not affect your liability or responsibility in relation to any Instruction(s) carried out by BSN on your behalf.

27.0 UNDANG-UNDANG DAN BIDANG KUASA / LAW AND JURISDICTION

Terma dan Syarat ini ditadbirkan oleh dan ditafsirkan mengikut Undang-Undang Malaysia. Apa-apa pertikaian atau pertikaian tak terlerai yang timbul tentang myBSN Bawah 18 Tahun dan Terma dan Syarat ini hendaklah diselesaikan oleh Mahkamah Undang-Undang Malaysia di Kuala Lumpur.

The Terms and Conditions shall be governed by and construed in accordance with the Laws of Malaysia. Any disputes or unresolved disputes arising in respect of myBSN Under 18 Years Old and these Terms and Conditions shall be resolved by the Courts of Law of Malaysia in Kuala Lumpur.

Nota: Dengan mencapai laman web myBSN Bawah 18 Tahun anda dianggap sebagai telah mempersetujui terma dan syarat yang dinyatakan di atas.

Note: By accessing the myBSN Under 18 Years Old website you are deemed to have agreed to the terms and conditions set out above.

TAMAT

END